

12/05/2004

Rogol: Shahrizat minta maklum balas NGO

By Shamshul Azree Samshir; Fadzlena Jaafar

PUTRAJAYA: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat akan menemui wakil pertubuhan bukan kerajaan (NGO) bagi mendapatkan maklum balas berhubung pelaksanaan hukuman lebih berat terhadap pesalah kes gangguan seksual.

Menterinya, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil, berkata beliau bersedia menemui wakil semua NGO secepat mungkin bagi mendapatkan maklumat untuk dimasukkan dalam draf pindaan terhadap pesalah berkenaan.

"Banyak cadangan lain mahu dikemukakan oleh NGO, terutama pengistilahan semula perkataan rogol kerana banyak kes tidak dapat dibawa ke mahkamah akibat keterangan yang tidak menepati definisi rogol yang digunakan sekarang," katanya.

Beliau berkata demikian selepas Mesyuarat Bersama NGO Mengenai Keganasan Seksual Dengan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di Jabatan Perdana Menteri (JPM), semalam.

Terdahulu, Abdullah mengarahkan Shahrizat dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Radzi Sheikh Ahmad mendapatkan maklum balas NGO supaya pindaan hukuman pesalah kes jenayah mengambil kira keprihatinan masyarakat.

Shahrizat berkata, usaha sedang dilakukan bagi mengumpul maklum balas setiap NGO supaya proses meminda hukuman sedia ada disegerakan.

Sementara itu, Radzi berkata, Akta Keterangan Kanak-Kanak sedang dipinda supaya rakaman pengakuan kanak-kanak dapat dijadikan keterangan di mahkamah dan pemeriksaan balas dilakukan secara langsung melalui video.

Wakil NGO pula menyambut baik langkah kerajaan untuk mendapatkan maklum balas mereka bagi penggubalan pindaan undang-undang membabitkan pesalah jenayah seksual.

Timbalan Presiden Majlis Pertubuhan Wanita Kebangsaan, Ramani Gurusamy, berkata ini kali pertama kerajaan mengambil tindakan seumpama itu.

"Kita amat berpuas hati kerana sebelum ini maklum balas NGO diambil pada peringkat draf dan selepas itu kita tidak boleh memberi maklumat sehingga akta siap," katanya.

Presiden Majlis Aids Malaysia, Datuk Marina Mahathir, berkata NGO boleh memberi maklum balas pada setiap peringkat dan perkembangan ini sesuatu yang boleh dibanggakan.

(END)